



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 14/2005
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanai Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai peraturan perkara di atas seperti berikut :

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertanggungjawab sepenuhnya di dalam perkara-perkara berikut mengenai iklan jawatan-jawatan kosong dalam lingkungan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam:

- (a) Mengesahkan rang iklan dan menetapkan jenis iklan sama ada menurut Peraturan 7(a), 38(a) atau 38(b) daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) daripada Penggal 83, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (b) Menyelaraskan pengiklanan jawatan-jawatan kategori gunasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- (c) Menerima secara langsung permohonan-permohonan daripada Kementerian dan Jabatan, untuk mengiklankan:
 - (i) Jawatan-jawatan kosong termasuk jawatan-jawatan bukan dalam kategori gunasama Bahagian III, IV dan V daripada Lembaga Kakitangan.

Perkara 3a daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2003 (Penubuhan Lembaga Kakitangan) adalah dipinda.

- (ii) Pengambilan kakitangan bergaji hari lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma - HND) di bawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2001.
Perkara 1 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2001 (Pengambilan Kakitangan Bergaji Hari) adalah dipinda.

2



-2-

- (iii) Pengambilan kakitangan bergaji hari di bawah Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 19/2000.

Perkara 1, 2 dan 6 daripada Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 19/2000 adalah dipinda.

- (d) Mengeluarkan iklan dengan format dan kaedah sesuai untuk mencapai objektif-objektif utama iaitu kecepatan, ketelusan, penggunaan ruang terhad akhbar rasmi Kerajaan dan penyampaian maklumat utama.

Peraturan-peraturan dan pindaan-pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1 Disember 2005.

Semua surat menyurat bagi maksud ini hendaklah ditujukan terus kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di alamat berikut:

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Keluarga Harmoni Asas Masyarakat Terpuji"

[PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN]

Setiausaha Tetap
pghamid_yassin@pmo.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Inan
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (14) JPM/SK/2005
Tarikh : 23 Syawal 1426
26 November 2005